

KREATIF DAN INOVATIFKAH SAYA?

PENGENALAN

Amalan kreatif dan inovatif di kalangan penjawat awam merupakan salah satu budaya kerja yang sangat penting dalam sektor awam. Pelbagai idea inovasi dan kreatif telah dihasilkan oleh sektor awam dalam memastikan perkhidmatan yang disampaikan dapat memenuhi kehendak dan harapan pelanggan agar seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan dalam masa yang sama dapat menggantikan proses kerja yang sudah lapuk dan tidak lagi relevan/ praktikal.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) juga tidak ketinggalan memainkan peranannya dalam memastikan amalan inovasi dan kreatif dilaksanakan di JANM dalam usaha merakyatkan perkhidmatan yang disampaikan agar selari dengan *tagline* JANM iaitu *Excellent Accounting @ Your Service*. JANM telah beralih dari proses konvensional ke proses atas talian yang lebih efisien dan efektif dimana pelbagai inovasi telah dan sedang dibangunkan/ dilaksanakan di JANM. Pengurusan Tertinggi JANM amat komited dengan pembudayaan amalan inovasi dan kreatif di kalangan warga JANM, dimana pelbagai inovasi telah dirangka untuk tujuan pelaksanaan dalam tempoh lima (5) tahun melalui Pelan Strategik JANM 2019-2023. Pelbagai aktiviti berkaitan dengan inovasi seperti Pertandingan Menulis Artikel Inovasi dan Integriti, Pertandingan Keceriaan Tangga, Pertandingan *Virtual Run* Inovasi, Pertandingan Idea Inovasi dan Integriti menyediakan platform bank idea inovasi dan pelbagai lagi aktiviti lain telah diadakan sebagai agenda tahunan JANM bagi menggalakkan penglibatan seluruh warga JANM untuk menyumbang idea inovasi disamping memupuk budaya inovatif di kalangan semua warga JANM di seluruh negara.

Manakala, sebagai tanda komitmen dan sokongan kerajaan dalam menyemarakkan lagi kreativiti dan inovasi dalam sektor awam, pihak MAMPU telah mengeluarkan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil.1 Tahun 2016 berkenaan Panduan pembudayaan dan pemeraksanaan inovasi dalam sektor awam melalui horizon baharu kumpulan inovatif dan kreatif dan Kementerian Kewangan juga telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3 berkenaan Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi.

KREATIF, KREATIVITI, INOVATIF, INOVASI?

Kreatif bermaksud mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. (*Dewan Bahasa dan Pustaka Online*)

Kreativiti ialah kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baharu serta unik dalam menyelesaikan masalah dan menambah baik keperluan semasa. (*Pekeliling Transformasi Pentadbir Awam Bil.1/2016*)

Inovatif bermaksud merupakan (bersifat) inovasi. (*Dewan Bahasa dan Pustaka Online*) Merujuk kepada Pekeliling Transformasi Pentadbir Awam Bil.1/2016, **inovasi** merupakan suatu pembaharuan atau perubahan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik dan menyampaikan nilai baharu kepada pelanggan.

KUNCI KEJAYAAN PELAKSANAAN IDEA INOVASI DAN KREATIVITI JANM


Kejayaan pelaksanaan sesuatu idea inovasi dan kreativiti di JANM bergantung kepada sumbangan dan komitmen setiap warga JANM. Setiap warga JANM memainkan peranan masing-masing bermula daripada sumbangan idea, penghasilan/pembangunan idea inovasi sehinggalah ke pelaksanaan hasil idea inovasi tersebut. Penghasilan idea inovasi dan kreatif ini hendaklah berterusan bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan oleh JANM adalah sentiasa relevan. Sehubungan dengan itu, setiap warga JANM berperanan untuk menyumbang idea inovasi dan kreatif bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang rigid, lapuk dan tidak mesra pelanggan diperbaiki agar tidak menyukarkan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmatan terbaik daripada JANM. Persoalannya kreatif dan inovatifkah saya sebagai warga JANM?

METODOLOGI PENGUMPULAN DATA


Bagi tujuan penyediaan artikel ini, satu soal selidik telah diedar kepada semua warga JANM di seluruh negara. Seramai **466 responden** telah menjawab soal selidik tersebut.

Perincian responden adalah seperti berikut:


1. Kategori umur



2. Kumpulan jawatan



3. Bidang perkhidmatan



Soal selidik yang telah diedar kepada responden adalah seperti berikut:


1. Adakah setiap individu dilahirkan kreatif dan inovatif?
2. Adakah anda seorang yang kreatif/berinovatif?
3. Pernahkah anda menyumbang idea kreatif/inovatif untuk JANM?

ADAKAH SETIAP INDIVIDU DILAHIRKAN KREATIF DAN INOVATIF?

Ramai orang memperdebatkan apakah kreativiti diwarisi atau dipelajari, tetapi sebenarnya ianya adalah kedua-duanya. Kreativiti "secara teknikal" adalah diwarisi. Ianya lebih merupakan sifat manusia biasa daripada bakat. Menurut kajian oleh George Land mendapati bahawa kanak-kanak dilahirkan kreatif tetapi kehilangan kreativiti ketika mereka beralih melalui kehidupan dan menjadi dewasa. (*The Bean Team*, 2015)

Berdasarkan hasil soal selidik yang telah dilengkapkan oleh seramai 466 responden. Seramai **319 (68.5%)** responden bersetuju bahawa setiap individu adalah dilahirkan kreatif dan inovatif (rujuk **Carta 1**).

Carta 1: Adakah setiap individu dilahirkan kreatif dan inovatif?




ADAKAH SAYA KREATIF DAN BERINOVATIF?

Persoalan ini seringkali menjadi kekangan/halangan kepada individu untuk menghasilkan/ menyumbang idea baharu samada di pejabat atau dalam kehidupan seharian. Jawapan kepada pertanyaan ini hanya boleh dijawab oleh individu itu sendiri. Menurut ²David Kingsley, mengubah pandangan menjadi kenyataan tidak memerlukan kekuatan otak yang luar biasa dan juga tidak memerlukan pemikiran genius. Inovasi adalah sesuatu yang dapat dipelajari dan disesuaikan oleh semua orang. Ini adalah proses pemikiran yang serupa dengan pemikiran kritis kerana dapat melatih minda dalam penggunaannya.

Berdasarkan hasil soal selidik yang telah dilengkapkan oleh seramai 466 responden. Seramai **278 (59.7%)** responden menyatakan mereka merupakan seorang yang kreatif dan berinovatif (rujuk **Carta 2**). Ini bermaksud lebih daripada separuh responden adalah kreatif dan berinovatif.

Carta 2: Adakah saya kreatif dan berinovatif?




PERNAHKAH SAYA MENYUMBANG IDEA KREATIF/ INOVATIF UNTUK JANM?

Setiap warga JANM memainkan peranan yang amat penting dalam menyumbang idea bagi menghasilkan pendekatan baharu dan berbeza dalam melaksanakan sesuatu dasar dan perkhidmatan.

Berdasarkan hasil soal selidik yang telah dilengkapkan oleh seramai 466 responden. Seramai 219 (47%) responden menyatakan pernah menyumbang idea kreatif dan inovatif untuk JANM (rujuk **Carta 3**).

GLORIA ANGELA JAMES NOAH 71060

Carta 3: Pernahkan saya menyumbang idea kreatif/inovatif untuk JANM?



RUMUSAN SOAL SELIDIK

Merujuk kepada keputusan soal selidik yang telah dijalankan, **lebih daripada 50%** responden bersetuju bahawa setiap **individu dilahirkan kreatif dan berinovatif** dan menyatakan mereka adalah **seorang yang kreatif dan berinovatif**. Walau bagaimanapun, hasil soal selidik juga menunjukkan bahawa **kurang daripada 50%** responden **pernah menyumbangkan idea kreatif dan inovatif untuk JANM**.

Berdasarkan hasil soal selidik tersebut, penerapan amalan kreatif dan inovatif di kalangan warga JANM masih perlu dipertingkatkan lagi agar JANM dapat menghasilkan norma kerja baharu yang seiring dengan perubahan teknologi dan dapat memenuhi kehendak pelanggan. Jika setiap warga JANM dapat menyumbang idea dalam menambahbaik proses sedia ada atau menghasilkan idea baharu maka banyak proses sedia ada boleh diperbaiki agar dapat menambah nilai baharu kepada pelanggan.

KESIMPULAN

Kejayaan JANM untuk memberi perkhidmatan yang dikehendaki oleh pelanggannya bergantung kepada komitmen setiap warga JANM dalam menyumbang idea/cadangan baharu, menghasilkan idea tersebut, melaksanakan idea yang telah dihasilkan dan seterusnya menyampaikan idea baharu tersebut kepada pelanggan dengan mengoptimumkan sumber yang ada untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Penghasilan idea baharu samada dari segi produk atau perkhidmatan hendaklah berterusan agar perkhidmatan yang disediakan oleh JANM kekal relevan.

GLORIA ANGELA JAMES NOAH 710605-13-5212

Rujukan:

1. <https://www.transformationmarketing.com/is-creativity-learned-or-inherited>
2. <https://channels.theinnovationenterprise.com/articles/can-innovation-be-taught>
3. Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil.1 Tahun 2016 - Panduan pembudayaan dan pemerkasaan inovasi dalam sektor awam melalui horizon baharu kumpulan inovatif dan kreatif
4. Dewan Bahasa dan Pustaka Online

GLORIA ANGELA JAMES NOAH 710605-13-5212